



Awang Sulong tatkala mengusik Muhamamd Asri (PAS) terus menunjukkan tembelangnya yang sebenar. Kejayaan PAS di Kelantan, yang mengkagumkannya katanya ialah menukar “selamat pagi” dengan “*al-salāmu ‘alaykum*”: Persidangan Dewan Undangan ditangguhkan bila sahaja berbunyi azan dan sembahyang Hari Raya beramai-ramai di padang!

Mā shā’a Allāh Awang Sulong! Rupanya awak berkeadaan seperti orang anti Islam! Orang Islam pakai “*al-salāmu ‘alaykum*” awak benci salam keagamaan itu, awak lebih suka pakai selamat pagi! Kalau azan berbunyi, awak tidak pedulikan padahal seseorang Islam apabila diseru kepada sembahyang hendaklah sembahyang, lebih utama berjemaah! Sembahyang Hari Raya di padang sangat dianjurkan! Apakah awak suka berkumpul di padang hanya berjoget? Sekali lagi *mā shā’a Allāh!* Rupanya Awang Sulong sekarang seperti orang ateis ataupun sekurang-kurangnya telah timbul perasaan anti agama – *lā ḥawla wa lā quwwata illā billāh!*

* * *

Dua bulan telah lalu – Tuan Mufti Johor, tidak mau pula menyelidiki bantahan Qalam terhadap haramnya loteri yang telah disetujui oleh Mufti haramnya, sedang loteri terus-menerus berjalan dan digalakkan! Akibat daripada fatwa Mufti itu sekarang telah banyak wang-wang haram ‘ataupun sekurang-kurangnya wang yang disyak haramnya’ digunakan terutamanya kerana membina masjid! Tuan Mufti Johor telah tua tidakkah beliau suka menghalusi semula perbahasannya dengan cara kepala yang dingin supaya kelak di Akhirat beliau

tidak terkena tanggungjawab atas fatwanya, membawa manusia kepada amal dengan fatwanya itu? Baik-baik *Habīb* Mufti masa harus tidak lama lagi untuk bersama-sama menghadap Tuhan!

* * *

Kerana fatwa Mufti Johor terhadap loteri itu, maka sekarang dengan lantang-lantang terdengar suara menepuk dada untuk menanggung dosa jika wang loteri yang tetap haramnya itu, haram digunakan kerana masjid dan seumpamanya.

Orang-orang yang menepuk dada ini, zahirnya ialah orang-orang jahil dalam hal hukum agama dan tidak mempunyai penyelidikan!

Kerana itu patut orang-orang yang seperti ini dinasihatkan jangan menepuk dada untuk mencabar Tuhan Bung! Di dunia awak boleh buat suka-suka – nanti di Akhirat kalau mencabar hukum Tuhan – neraka padahnya – hendak menyesal tidak ada gunanya lagi Bung!

* * *

Radio Singapura, telah mengeluarkan dua buah cerita sandiwara: 1. Seorang yang berkelulusan Azhar telah jatuh cinta kepada seorang perempuan yang bukan Islam lalu berkahwin dan kerana tidak disetujui oleh ayahnya lalu meminum racun dan hendak membunuh diri: 2. Cerita ketuhanan di dalam mana seorang pemuda telah mencabar *al-Qur’ān* sedang pemuda itu tidak pun bertaubat. Dua cerita ini dikeluarkan dua kali – dan cerita yang kedua – dikeluarkan lagi kononnya kerana banyak permintaan. Orang-orang Islam mendengar cerita ini merasa bahawa Radio Singapura telah pun membuat penghinaan kepada agama, sebabnya natijah mencabar *al-Qur’ān* itu tidak berkesudahan? Apakah Majlis Islam Penasihat Kerajaan tidak memerhatikan hal ini? Apakah Radio Singapura sengaja hendak membakar perasaan umat Islam yang beriman kepada *Kitāb Allāh*? Baik-baik bung!

– Cemeti al-Farouk.